

Sekitar banjir di Johor

# 3 kali pindah

Penduduk sudah bersedia berikutan hujan lebat berlarutan sejak dua hari

**K**LUANG: Mangsa banjir yang terpaksa berpindah buat kali ketiga dalam tempoh kurang sebulan menganggap bencana alam itu sebagai takdir dan menerimanya dengan hati tabah.

Kebanyakan yang ditemui mengakui walaupun sedih dengan kejadian berulang itu, mereka menganggapnya sebagai cabaran yang perlu ditempuhi dan ada rahmat di sebaliknya.

Seorang penduduk Kampung Palembang Baru, Salleh Khamis, 41, berkata kali pertama penduduk kampungnya dipindahkan ke pusat penempatan banjir pada 20 Disember lalu sebelum dibenarkan pulang ke rumah

masing-masing lima hari kemudian.

Bagaimanapun, mereka sekali lagi dipindahkan pada 26 Disember lalu dan hanya dibenarkan pulang seminggu kemudian.

"Tengah malam kelmarin kami sekali lagi diarah pindah ke pusat pemindahan di Dewan Orang Ramai Kampung Melayu dan ini pengalaman yang cukup perit bagi kami apabila terpaksa berpindah tiga kali dalam tempoh tak sampai sebulan.

"Tetapi kami reda kerana ini bencana alam dan perlu tabah," katanya.

Salleh berkata, lebih 500 penduduk kampung berkenaan sudah membuat perediaan awal apabila hujan

lebat berlarutan sejak dua hari lalu.

"Penduduk sudah jangka banjir akan melanda semula, sebab itulah pemindahan dapat dijalankan dengan lancar," katanya.

Sementara itu rakannya, Mohd Aris Misnan, 37, berkata mangsa tidak perlu menyalahkan mana-mana pihak berikutan tiga kejadian banjir yang berlaku dalam tempoh singkat itu.

Tinjauan ke Kampung Palembang Baru, semalam mendapati semua penduduk sudah dipindahkan kecuali beberapa anak muda yang berkawal di jalan masuk ke kampung berkenaan.

Salah seorang penduduk yang ditemui, Kamal Nazri



**SEPAKAT...**penduduk Kampung Palembang Baru membina benteng bagi menghalang air masuk ke rumah, semalam

Ahmad Kamal, 31, berkata mereka terpaksa mengadakan kawalan bagi mencegah kejadian pecah rumah seperti sebelum ini.

"Dalam keadaan susah macam ni ada juga yang mengambil kesempatan memecah rumah penduduk dan mencuri barangan berharga.

"Selain harta benda berharga, ramai penduduk kehilangan dapur serta tong gas

memasak pada kejadian banjir pertama bulan lalu, sebab itulah kami secara sukarela mengawal jalan masuk ke kampung ini," katanya.

Kampung berkenaan ditenggelami air dua meter akibat limpahan air Sungai Mengkibol selepas hujan lebat sejak dua hari lalu.

Sementara itu, bandar Kluang turut dinaiki air petang semalam menyebabkan be-

berapa jalan utama ditutup. Kejadian itu menyebabkan kesesakan teruk berlaku apabila ratusan kenderaan terperangkap di pusat bandar.

Sehingga petang semalam, kira-kira 5,000 penduduk dipindahkan ke pusat penempatan banjir dengan Sekolah Kebangsaan Kampung Melayu mencatat angka paling ramai iaitu hampir 1,000 orang.